



Headline	Program Susu 1Malaysia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Nov 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	27	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	582 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,628
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,885



» *Dutch Lady berkongsi mengenai khasiat susu, menitikberatkan kualiti serta cara penghantaran selamat mengikut prosedur ditetapkan*

Program Susu 1Malaysia



Oleh **Khairunnisa Kamarudin**
khairunnisa@bharian.com.my

► **Pelabuhan Klang**

Seramai 106 murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Keng Chee, Pulau Ketam, dekat sini yang terabit dengan program Susu 1Malaysia menerima kunjungan wakil Dutch Lady Malaysia Industries Berhad yang berkongsi mengenai khasiat susu dan juga cara penghantaran selamat mengikut prosedur ditetapkan.

Dalam program itu, murid sekolah terabit diberi penerangan ringkas mengenai kepentingan mengambil susu termasuk cara pengendalian mengikut prosedur ditetapkan oleh kementerian bertanggungjawab hingga ke peringkat pengagihan susu kepada murid.

Pengurus Hal Ehwal Korporat Dutch Lady Malaysia Industries Berhad, Encik Mohd Afizi Mohd Ross, berkata sebagai satu dari empat syarikat tenusu yang diamanahkan untuk mengedarkan susu ke empat negeri pihaknya sangat menitik beratkan kualiti dan cara pengendalian susu bagi memastikan kualitinya mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

"Setakat ini pihak kami menghantar bekalan susu ke 1,400 sekolah rendah di empat negeri iaitu di sekitar ibu kota,

Selangor, Pulau Pinang dan juga Melaka meliputi 297,000 murid yang menerima dua kotak susu seminggu.

"Disebabkan ini kami sentiasa memastikan kualiti susu kami segar dan penghantaran dilakukan secepat mungkin terutama ke kawasan pedalaman atau yang menggunakan jalan air seperti di pulau ini di mana kami menghantar sebanyak 53 kerton susu dua kali seminggu untuk tiga sekolah di sini," katanya.

Hadir sama pada majlis itu, Guru Besar SJKC Keng Chee,

“Setakat ini pihak kami menghantar **bekalan susu ke 1,400 sekolah rendah di empat negeri**”

Mohd Afizi Mohd Ross,
Pengurus Hal Ehwal Korporat Dutch Lady Malaysia Industries Berhad

Puan Soh Swee Koon dan Penyelea Kanan Hal Ehwal Murid Jabatan Pelajaran Selangor, Encik Shahidan Said.

Program Susu 1Malaysia bermatlamat untuk mewujudkan generasi muda Malaysia yang kuat, sihat dan secara mentalnya lebih dinamik pada masa depan membabitkan lebih tiga juta pelajar sekolah rendah di 7,685 sekolah rendah kerajaan seluruh negara.

Bagi murid Tahun Enam, Chua Hui Xin, susu menjadi minuman hariannya kerana khasiat yang

banyak dan membantunya lebih cerdas ketika berada di kelas.

"Setiap hari saya akan pastikan saya mengambil dua gelas susu pada sebelah siang dan malam bagi mendapatkan kalsium selain menjadikan saya lebih aktif untuk mengikuti aktiviti yang dijalankan di sekolah.

"Program susu 1Malaysia ini secara tidak langsung membantu golongan murid yang kurang berkemampuan mendapat khasiat susu sama supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang sihat dan cerdas," katanya.

Penyelea Hal Ehwal Murid Pejabat Pelajaran Daerah Kelang, Mohd Tukipan (kiri), Mohd Afizi dan Soh **bersama-sama murid SJKC Keng Chee menunjukkan susu segar Dutch Lady**

[SHIRAZ ALI/ BH]